

Faktor-faktor Peminjaman Bahasa Asing Ke dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Linguistik Sejarawi

ABD. RAUF DATO' HAJI HASSAN AZHARI

*Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia*

Kata kunci: Bahasa asing, bahasa Arab, linguistik sejarawi

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian linguistik sejarawi terhadap kemasukan bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Penulis akan membentangkan secara terperinci mengenai faktor-faktor kemasukan bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Di antara faktor-faktor utama yang pernah digariskan oleh sarjana bahasa dan linguistik Arab hari ini adalah faktor perdagangan, politik, sosial dan agama. Di sini, penulis telah membahagikan kepada enam faktor utama yang menyebabkan kemasukan peminjaman bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Penulis juga berpendapat bahawa terjemahan merupakan faktor utama dalam kemasukan peminjaman bahasa asing ini memandangkan kesan dan pengaruhnya lebih kuat dan mendalam berbanding faktor-faktor yang lain. Kesemua faktor ini memainkan peranan secara langsung dan tidak langsung dalam melahirkan dan mewujudkan peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab.

ABSTRACT

This linguistic study investigates the incorporation of loan words into Arabic and discusses in detail those factors that influence such incorporation. Among the main influencing factors that were previously mentioned by Arabic language and linguistics scholars are trading, political, social and religious factor. The six major factors contributed to the occupation of foreign words into Arabic language are discussed here. All these factors play direct and indirect roles in giving rise and existence to the use of foreign words into Arabic. The researcher believes that the most influential factor contributing to the existence of loan words into Arabic is the translation factor.

PENDAHULUAN

Manusia dilahirkan dalam keadaan fitrahnya saling berhubungan dan berurusan dengan masyarakat setempat ataupun dengan masyarakat luar. Begitu juga keadaannya dengan bahasa yang digunakan oleh sesuatu masyarakat yang ia digunakan sebagai perantara atau pertukaran idea, fikiran dan gagasan bagi tuntutan-tuntutan yang tertentu. Bagi masyarakat Arab dahulu, mereka hidup dalam fenomena yang jauh dari arus kemodenan. Oleh yang demikian, bahasa merupakan perantara sesama mereka. Pertuturan ini lebih kerap digunakan berbanding masyarakat hari ini yang lebih banyak menggunakan peralatan canggih dan moden untuk berkomunikasi sesama mereka.

Oleh itu, bahasa yang digunakan oleh masyarakat Arab suatu ketika dahulu adalah sebagai alat dan jentera yang penting untuk berkomunikasi dan bertukar-tukar pandangan atau pendapat sesama mereka. Sebagaimana yang telah diketahui bahawa masyarakat Arab dahulu sering berdagang dan berniaga dari satu provinsi ke provinsi yang lain. Ekoran dari perdagangan ini, lama-kelamaan mereka terikut-ikut dan terpengaruh dengan unsur, budaya dan pengaruh dari luar dan seterusnya akan meresap bukan sahaja ke dalam budaya mereka, malah dapat mempengaruhi bahasa yang digunakannya.

Di sini, penulis akan membentangkan secara terperinci mengenai faktor-faktor kemasukan bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Di

antara faktor-faktor utama yang digariskan oleh sarjana bahasa dan linguistik Arab hari ini ialah faktor perdagangan, politik, sosial dan agama. Kesemua faktor ini memainkan peranan secara langsung dan tidak langsung dalam melahirkan dan mewujudkan peminjaman kata asing ke dalam bahasa Arab.

Dalam kajian ini, penulis telah membahagikan kepada enam faktor utama yang menyebabkan kemasukan peminjaman bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Penulis juga berpendapat terjemahan adalah faktor yang utama dalam kemasukan bahasa asing ini ke dalam bahasa Arab memandangkan kesan dan pengaruhnya lebih kuat dan mendalam berbanding dengan faktor-faktor yang lain.

Faktor Terjemahan

Di sini penulis tidak menolak kemungkinan bahawa terjemahan merupakan faktor yang

utama dalam melahirkan peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab bahkan faktor terpenting yang telah menyumbang kepada kemasukan kata asing ini ke dalam bahasa Arab.

Proses terjemahan ini telah berkembang dengan pesatnya terutama pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah terutama di bawah pimpinan Khalifah al-Ma'mun. Namun begitu, penulis percaya terdapat usaha-usaha terjemahan telah dilakukan pada zaman pemerintahan Umayyah cuma yang membezakannya adalah pada zaman Abbasiyyah usaha terjemahan dilakukan dengan lebih banyak berbanding zaman Umayyah (Subhiy al-Saleh 1989: 320).

Zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyyah ini dianggap sebagai satu era yang sangat maju dan berkembang dalam sejarah tamadun Arab. Kemajuan ini timbul hasil daripada usaha pemerintah Umayyah yang telah meluaskan

JADUAL 1
Tulisan Yunani beserta sebutan dan transliterasinya

Huruf	Nama		Sebutan		Transliterasi	
	Yuanni	Inggeris	Kuno	Moden	Kuno	Moden
A α	ἄλφα	<u>Alpha</u>	[a] [a :]	[a]	a	a
B β	βῆτα	<u>Beta</u>	[b]	[v]	b	v
Γ γ	γάμμα	<u>Gamma</u>	[g]	[i]	g	gh, g, y
Δ δ	δέλτα	<u>Delta</u>	[d]	[ð]	d	d, dh
E ε	ἔψιλόν	<u>Epsilon</u>	[e]	[e]	e	e
Z ζ	ζῆτα	<u>Zeta</u>	[zd], later [z :]	[z]	z	z
H η	ἦτα	<u>Eta</u>	[ε :]	[i]	e, ē	i
Θ θ	θῆτα	<u>Theta</u>	[t ^h]	[θ]	th	th
I ι	ἰῶτα	<u>Iota</u>	[i] [i :]	[i], [j]	i	i
K κ	κάππα	<u>Kappa</u>	[k]	[c]	k	k
Λ λ	λάμβδα	<u>Lambda</u>	[l]	[l]	l	l
M μ	μῦ	<u>Mu</u>	[m]	[m]	m	m
N ν	νῦ	<u>Nu</u>	[n]	[n]	n	n

Sambungan

Ξ ξ	ξĩ	<u>Xi</u>	[ks]	[ks]	x	x, ks
Ο ο	ὀμικρόν	<u>Omicron</u>	[o]	[o]	o	o
Π π	πĩ	<u>Pi</u>	[p]	[p]	p	p
Ρ ρ	ρῶ	<u>Rho</u>	[r], [rɔ]	[r]	R (ῥ: rh)	r
Σ σ ς (final)	σĩγμα	<u>Sigma</u>	[s]	[s]	s	s
Τ τ	ταũ	<u>Tau</u>	[t]	[t]	t	t
Υ υ	ὕψιλόν	<u>Upsilon</u>	[u] [u :], later [y] [y :]	[i]	u, y (between consonants)	y, v, f
Φ φ	φĩ	<u>Phi</u>	[p ^h]	[f]	ph	f
Χ χ	χĩ	<u>Chi</u>	[k ^h]	[ç]	ch	ch, kh
Ψ ψ	ψĩ	<u>Psi</u>	[ps]	[ps]	ps	ps
Ω ω	ὦμέγα	<u>Omega</u>	[ɔ :]	[o]	o, õ	o

tampak pemerintahan mereka ke negara-negara luar. Bermula dari sinilah, pemerintah Abbasiyah meneruskan perjuangan dan misi dalam menegakkan sebuah kerajaan yang kukuh dan bertamadun (Hana al-Fakhuriy 1985: 25).

Pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Umayyah, usaha-usaha terjemahan mula dilakukan oleh Khalid bin Yazid bin Mu'awiyah. Beliau telah memerintahkan pakar-pakar kimia untuk menterjemahkan beberapa buah buku

tersebut dari bahasa Yunani dan bahasa Qibti ke dalam bahasa Arab ('Uthman Mawafiy 1973: 112).

Khalid bin Yazid juga adalah orang yang pertama yang telah menterjemahkan beberapa buah buku dalam bidang perubatan, astronomi dan kimia ke dalam bahasa Arab. Hasil terjemahan inilah beliau digelar sebagai "*hakim ali Marwan*" yang bermaksud "seorang yang bijaksana dari keturunan Marwan" ('Uthman Mawafiy 1973: 112).

JADUAL 2
Contoh abjad vokal dalam bahasa Sanskrit

Sanskrit	IAST	Agakan Sebutan	
		Inggeris	IPA
अ	A	Above	ə or ɐ

Sambungan

आ	Ā	Father	ɑ
इ	I	Pin	i
ई	Ī	Machine	I
उ	U	Push	u
ऊ	Ū	Rule	U
ऋ	r̄	approx. Am. Eng. bird, or metre	r̄
ॠ	r̄̄	a longer version of r̄	R
ऌ	l̄	Handle	l̄
ॡ	l̄̄	a longer version of l̄	L

Selain Khalid bin Yazid, terdapat juga beberapa tokoh pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Umayyah yang telah mengembangkan bidang terjemahan dari bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Di antaranya ialah khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz dan Hisham bin 'Abd al-Malik. Sebagai contoh di zaman Hisham bin 'Abd al-Malik, beliau telah menterjemahkan sebuah buku mengenai sejarah kerajaan al-Sasaniyah. Kerajaan al-Sasaniyyah adalah sebuah kerajaan yang dipimpin oleh orang-orang Parsi. Buku ini telah diterjemahkan dari bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab ('Uthman Mawafiy 1973: 114).

Seterusnya usaha memperkayakan karya terjemahan ini diteruskan pula oleh khalifah-khalifah Abbasiyyah. Di antara khalifah yang pertama yang telah menggerakkan terjemahan dari bahasa asing ke dalam bahasa Arab ialah khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Beliau telah mengarahkan ahli-ahli bahasa Arab menterjemahkan beberapa buah buku dalam bidang perubatan dan senibina. Di antara ahli bahasa yang telah diarahkan oleh khalifah Abu Ja'far al-Mansur ialah Hanin bin Ishaq yang mana beliau telah menterjemah buku bertajuk "*abqarat*" dan "*Jaliniur*" dalam bidang perubatan.

Pada tahun 154 H, kerajaan India pula telah menghantar beberapa orang perwakilan dari

India untuk bertemu dengan khalifah Abu Ja'far al-Mansur di istananya. Dalam perwakilan itu, terdapat seseorang yang mahir dalam bidang ilmu astronomi dan matematik serta mahir dalam mengira pergerakan bintang. Apabila khalifah Abu Ja'far al-Mansur menyedari perkara ini, baginda tertarik dan seterusnya mengarahkan Muhd. bin Ibrahim al-Fazariy menterjemahkan sebuah buku dalam bidang astronomi yang ditulis dalam bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Arab dan buku itu dinamakan "*al-sanad Hind*" (Zainal Abidin Haji Abdul Kadir 1983: 133).

Setelah buku itu diterjemahkan dari bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Arab, maka buku itu telah menjadi satu karya yang terulung dalam mempelajari ilmu falak dan astronomi. Selain dari itu, terdapat beberapa karya terjemahan terutama dalam bidang matematik dan geometri. Buku ini dinamakan "al-Arkand" dan "al-Arjahiz". Di samping itu, terdapat juga buku-buku dari bahasa India yang telah diterjemahkan dalam bentuk buku cerita dongeng dan cerita-cerita hikayat seperti buku Sinbad yang semuanya berasal dari India.

Pada zaman khalifah Ja'far al-Mansur ini juga, kebanyakan karya terjemahan adalah berkisar dalam bidang sains sama ada matematik, perubatan ataupun astronomi. Namun begitu, pada zaman selepas Abu Ja'far al-Mansur, kebanyakan karya terjemahan banyak berkisar dalam bidang seni bina, falsafah dan lainnya. Seterusnya pada zaman khalifah Harun al-Rashid, aktiviti terjemahan masih diteruskan. Khalifah ini telah mengarahkan ahli-ahli bahasa menterjemahkan beberapa buah buku dari bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab. Ini dilakukan terutamanya setelah kerajaan di bawah pemerintahan Harun al-Rasyid berjaya menakluki beberapa buah bandar di Rom.

Manakala pada zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mun, pergerakan terjemahan diperluaskan dan usaha ke arahnya digiatkan. Oleh yang demikian, kesannya terlalu banyak kemasukan peminjaman bahasa asing terutamanya dari bahasa Yunani dan Parsi ke dalam bahasa Arab (Zainal Abidin bin Abd. Kadir 1983: 131). Orang-orang Arab telah banyak mengambil kosa kata dan perbendaharaan kata dari bahasa Yunani terutamanya dalam istilah falsafah, mantiq dan perubatan (Hana al-Fakhuriy 1985:26). Selain dari itu, terdapat peminjaman kata asing dari bahasa Siryani dan bahasa Sanskrit yang diserapkan ke dalam kosa kata Arab

Terdapat juga seorang tokoh terkemuka di zaman Abbasiyyah yang telah menterjemahkan beberapa buah buku. Di antara tokoh yang bertanggung jawab dalam menterjemahkan buku-buku terutamanya dari bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab ialah 'Abdullah bin al-Muqaffa' ('Uthman Mawafiy 1973: 117). Di antara hasil karya terjemahan beliau ialah:

- i. Buku "*Khadainamah*" sebuah buku yang membincangkan secara terperinci mengenai sejarah Parsi sejak dari awal kewujudannya. Buku yang telah diterjemahkan oleh Abdullah bin al-Muqaffa ini dinamakan "*Tarikh Muluk al-Furs*".
- ii. Buku "*Ayin Namah*" yang mengandungi tatasusila kehidupan orang Parsi di samping membincangkan secara terperinci mengenai adat istiadat, perundangan dan konvinsi orang-orang Parsi.
- iii. Buku "*Kalilah wa Dimnah*". Buku ini berasal dari India telah diterjemahkan ke dalam bahasa Parsi dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.
- iv. Buku "*Mazdik*" yang mengisahkan mengenai pemimpin agama orang-orang Parsi
- v. Buku "*al-Taj*" yang mengisahkan mengenai sirah Abu Syarwan.
- vi. Buku "*al-Adab al-Kabir*" dan "*al-Adab al-Saghir*" serta buku "*al-Yatimah*".

Dari aspek sastera pula, banyak buku daripada bahasa Parsi yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab seperti buku *Kalilah wa Dimnah*, *al-Yatimah*, *al-Adabain* dan buku yang bertajuk "*Huzar Wafsanah*" yang bermaksud "seribu dongeng" adalah dikatakan sebagai asas bagi karangan sebuah Hikayat agung seribu satu malam atau "*Alf al-Lailah wa al-Lailah*". Selain terjemahan sastera, terdapat juga beberapa karangan dalam bentuk buku cerita seperti *Busfas*, *Kharafah wa Nuzhah*, *al-Dub wa al-Tha'lab* dan selainnya (Zainal Abidin Haji Abdul Kadir 1983: 132).

Sebenarnya kecemerlangan ilmu dan terjemahan yang berlaku pada zaman pemerintahan khalifah-khalifah Umawiyah dan Abbasiyyah telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam perbendaharaan kosa kata Arab. Banyak kemasukan kata asing terutamanya bahasa Parsi, Hindi, Siryani, Yunani dan selainnya telah diserapkan ke dalam bahasa Arab. Ini dapat dilihat melalui usaha-usaha gigih yang telah dilakukan oleh khalifah-khalifah pada zaman

JADUAL 3
 Contoh tulisan dalam bahasa Siryani

Letter	Normal format	Final connected	Final unconnected	Unicode character
'Ālaph				Ⲁ
Bēth				Ⲃ
Gāmal				Ⲅ
Dālath				Ⲇ
Hē				Ⲉ
Waw				Ⲋ
Zayn				Ⲍ
Hēth				Ⲏ
Tēth				Ⲑ

Sambungan

Yōdh	ﻱ	ﻱ		ي
Kāph	ﻙ	ﻙ	ك	ك
Lāmadh	ﻝ	ﻝ		ل
Mīm	ﻡ	ﻡ		م
Nūn	ﻥ	ﻥ	ن	ن
Semkath	ﺱ	ﺱ		س / س
Ē	ﺀ	ﺀ		ء
Pē	ﻁ	ﻁ		ط
Sādhē	ﺪ			د
Qōph	ﻕ	ﻕ		ق
Rēš	ﺭ			ر

Sambungan

Šīn	ش	س		س
Taw	ط			ط

Sumber: www.wikipedia.com

Abbasiyyah dalam memartabatkan bangsa mereka dalam arena ilmu pengetahuan melalui usaha terjemahan seperti menghantar beberapa banyak perwakilan bagi mencari manuskrip-manuskrip yang belum diterjemahkan untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Selain dari itu, kerja-kerja terjemahan ini diberikan elaun-elaun yang lumayan serta bayaran yang tinggi kepada penterjemah agar karya yang bakal dihasilkan nanti bermutu dan berkualiti.

Jika dilihat daripada usaha-usaha yang dijayakan oleh pemerintah-pemerintah kerajaan Abbasiyyah ternyata terdapat beberapa sebab kenapa mereka gemar kepada bidang penterjemahan. Di antara faktor utama ialah khalifah-khalifah Abbasiyyah gemar mendalami ilmu-ilmu terutama yang dimiliki oleh bangsa-bangsa asing sama ada sebagai keperluan material ataupun ilmu itu sendiri. Di samping itu, antara faktor kecenderungan orang-orang Arab melakukan terjemahan pada zaman Abbasiyyah adalah kerana khalifah-khalifah Abbasiyyah sendiri cenderung untuk mempelajari pelbagai ilmu baru yang dipelopori oleh orang-orang Parsi dan Yunani. Ini memandangkan orang-orang Parsi memang telah lama berkembang maju dan lebih bertamadun berbanding orang-orang Arab (Hana al-Fakhuriy 1985: 25).

Hasil daripada kemajuan yang dicapai dalam kerajaan Bani Abbasiyyah ini, ternyata memberi kesan yang berpanjangan dan berkekalan dalam melahirkan perbendaharaan kata Arab yang dipengaruhi oleh unsur-unsur bahasa asing terutama dalam pelbagai istilah dan kosa kata dalam bidang-bidang perubatan, kimia, sains, astronomi, seni bina dan sebagainya.

Ahmad Amin di dalam bukunya *Duha al-Islam* telah membahagikan perjalanan terjemahan di zaman Abbasiyyah kepada 3 peringkat:

- i. Pemerintahan khalifah al-Mansur hingga ke akhir zaman khalifah al-Rasyid (136 H – 193H). Pada zaman ini, pergerakan terjemahan telah dilakukan oleh penterjemah-penterjemah yang kebanyakannya orang-orang Yahudi serta mereka yang menganut agama Islam.
- ii. Peringkat kedua dari zaman khalifah al-Ma'mun hingga akhir kurun ketiga (198 H-300 H). Pada zaman ini pergerakan terjemahan dilakukan secara berpusat dan sistematik. Ia banyak dilakukan di Baghdad sehingga terbinanya sebuah "Pusat Terjemahan" yang dinamakan "*Bait al-Hikmah*" yang diasaskan oleh khalifah al-Ma'mun.
- iii. Peringkat ketiga dari awal kurun keempat hingga pertengahan kurun kelima.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, bahawa pengaruh terjemahan ini amat besar sumbangannya dalam kemasukan kata asing ke dalam bahasa Arab. Ini kerana di era pemerintahan Abbasiyyah inilah pergerakan terjemahan telah mula tersebar dengan luasnya dan dilakukan secara meluas berbanding terjemahan yang dilakukan pada zaman Umawiyah yang hanya dilakukan oleh individu-individu tertentu.

Kebanyakan karangan, penulisan dan buku-buku dari bahasa asing telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Hasil daripada itu, banyak pengaruh asing telah diserapkan ke dalam jiwa masyarakat Bani Abbasiyyah. Seolah-olah mereka sangat dahagakan kemajuan dan pembaharuan dalam pemikiran dan tamadun bangsa Arab (Hana al-Fakhuriy 1985: 25).

Oleh yang demikian, akhirnya pengaruh bahasa asing ini bukan sahaja telah meresap ke dalam pemikiran bangsa Arab, bahkan juga telah

dapat mempengaruhi bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Arab. Seolah-olah bahasa yang digunakan ini sebagai satu aliran baru dalam menuturkan sesuatu situasi yang baru dalam kehidupan masyarakat bani Abbasiyah (Hana al-Fakhuriy 1985: 26).

Faktor Ekonomi

Faktor kedua yang menyebabkan kemasukan bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab adalah ekonomi. Ini kerana orang-orang Arab memang telah lama menjalankan hubungan dengan dunia luar. Sejak zaman Jahiliyah lagi, orang-orang Arab telah menjalankan perniagaan mereka hingga ke negara Yaman dan Syam. Perniagaan pada zaman Jahiliyah ini boleh dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu perniagaan bulanan dan kedua perniagaan tahunan.

(i) Perniagaan Bulanan

Dalam membincangkan mengenai perdagangan orang-orang Arab secara bulanan, terlebih dahulu penulis perlu membincangkan mengenai peranan “pasar” dan pengaruhnya dalam perkembangan bahasa Arab. Ini kerana penulis percaya pasar yang wujud pada zaman Jahiliyyah sebenarnya mempunyai pengaruh dan kesan yang besar dalam kemasukan kata asing ke dalam bahasa Arab.

Pasar yang telah diketahui umum bermaksud suatu tempat yang dibanjiri oleh kesemua kaum Arab dan sebagai pertemuan rasmi mereka dalam

menjalankan kegiatan perniagaan dan aktiviti sosial berbanding dengan pasar yang terdapat hari ini yang hanya menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan. Orang-orang Arab Jahiliyah menjadikan pasar ini bukan sahaja sebagai pusat jualan dan perniagaan, bahkan pasar juga berperanan dalam mengembangkan bahasa dan sastera Arab dalam kalangan mereka. Pasar-pasar yang didirikan oleh orang-orang Jahiliyyah ini beroperasi sepanjang bulan pada setiap tahun. Sebagai contoh, pada bulan Rabi’ al-Awwal, orang-orang Arab akan berkumpul sesama mereka untuk menjalankan kegiatan jual-beli dan aktiviti sosial yang dinamakan pasar *Daumah al-Jandal*.

Manakala pada bulan Rabi’ al-Akhir pula, mereka berkumpul sekali lagi di Bahrain di pasar *Hajr*. Seterusnya pada akhir bulan Jamad al-Awwal, orang-orang Arab akan bertemu di Bahrain di pasar *Uman*. Manakala pada bulan Jamadi al-Akhir, mereka akan bertemu di pasar *al-Musyayqqar*.

Seterusnya pada bulan Rejab, mereka akan bertemu di satu pasar yang dinamakan *Sahar*. Manakala pada bulan Sya’ban, orang-orang Arab akan bertemu di pinggir laut di antara Oman dan ‘Adn di pasar *al-Syahr*. Pada bulan Dhu al-Qa’idah, mereka akan bertemu sekali lagi di pasar Hadrat al-maut (Mustafa Sadiq al-Rafai’y 1974: 1: 95).

Selain dari pasar-pasar yang diutarakan di atas, terdapat beberapa pasar lain yang menjadi

JADUAL 4
Contoh bahasa asing dalam istilah sains dan astronomi

Bahasa Arab	Bahasa Asal	Terjemahan
طَرَازِدَان	Parsi	Pembalut alat timbangan
جَسْمِيرِج	Parsi	Ubat untuk sakit mata
تَوْت	Parsi dan Sanskrit	Kiraan bulan pertama
أَسْطُرْلَاب	Yunani	Alat teropong bintang
بَسْتَوْقَة	Parsi	Sejenis tembikar
بِفْسَايِحُ	Parsi	Jenis urat

tumpuan utama orang-orang Arab. Di antara pasar-pasar utama ini ialah Dhu al-Majaz yang terletak di 'Arafah dan pasar al-Majinah di Mekah dan waktunya berdekatan dengan musim Haji.

Dari pasar-pasar yang diutarakan tadi, sebenarnya ia berperanan besar dalam mengembangkan bahasa Arab. Ini kerana orang-orang Arab akan saling bertemu dan berbincang mengenai kabilah masing-masing dan seterusnya dapat bertemu dengan pelbagai bangsa asing yang datang berniaga sama ada bersama orang Arab atau sesama orang Arab sendiri yang berdagang ke negara-negara asing. Implikasi daripada pertemuan dengan bangsa asing dan kekerapan berjumpa di antara satu sama lain. Ini menyebabkan timbulnya percampuran budaya dan bahasa dan seterusnya bahasa yang diujarkan oleh bangsa asing akan dapat mempengaruhi bahasa Arab dan begitu juga sebaliknya. Ini berkemungkinan berlaku kerana pertemuan mereka adalah amat kerap dan semestinya ia saling mempengaruhi dan dipengaruhi (Mustafa Sadiq al-Rafi'iy 1974: 1: 96).

(ii) Perniagaan Tahunan

Selain dari perniagaan dan pertemuan bulanan, terdapat satu lagi pertemuan yang dinamakan pasar tahunan. Setiap tahun, orang-orang Arab akan bertemu di negara Yaman terutama pada musim sejuk. Manakala pada musim panas pula, orang-orang Arab akan bertemu di Harran yang terletak di Basrah. Dalam pertemuan tahunan ini, orang-orang Arab akan melalui laluan darat di negara-negara Parsi dan Habsyah. Sepanjang perjalanan mereka ke destinasi yang ingin ditujui, mereka akan singgah ke Parsi dan Habsyah sama ada untuk berehat atau bermalam.

Aplikasi dari perniagaan tahunan inilah, orang-orang Arab akan dipengaruhi oleh unsur-unsur pengaruh dan bahasa asing seperti bahasa Rom, Parsi, Ibri, Habsyi dan Himyari (Mustafa Sadiq al-Rafi'iy 1974: 1: 96).

Sektor perniagaan ini juga berkembang pada zaman pemerintahan Abbasiyyah. Hal ini berlaku setelah orang-orang Arab banyak bergaul dan berinteraksi dengan bangsa-bangsa asing. Oleh yang demikian, timbullah persaingan yang kuat di antara satu sama lain dalam mengejar keuntungan dan kekayaan.

Negeri Iraq sebagai contoh merupakan sebuah pusat perniagaan yang terpenting. Ini kerana Iraq terletak di antara Semenanjung

Tanah Arab, Syam dan negara Mesir. Selain itu, ia terletak di antara Iran dan negara India dan di antara China dan Asia Tengah. Tambahan lagi, kedudukan negara Iraq pada masa itu menguasai Teluk Basrah yang menghubungkan di antara negara Islam dengan India, China dan Afrika (Subhiy Saleh t.thn: 79).

Perkembangan perniagaan yang pesat ini tidak terbatas di Iraq sahaja, malah meliputi ke dunia Islam yang lain. Sebagai contoh, negara Mesir yang terkenal dengan pembuatan kertas dan bahan pakaian yang diperbuat daripada bulu dan kapas. Manakala negara Syam pula sangat terkenal dengan pengeluaran gula, minyak zaitun, kaca dan tenunan sutera. Manakala Semenanjung Tanah Arab pula sangat terkenal dengan pengeluaran anak panah, barangan daripada kulit-kulit binatang seperti kuda dan unta. Manakala negara Yaman pula sangat terkenal dengan pengeluaran minyak wangi, permaidani dan tudung kepala. Negara Iran pula sangat terkenal dengan pengeluaran kopiah, permaidani, tenunan dan juga minyak wangi (Osman Haji Khalid 1997: 23).

Jika dilihat daripada perkembangan ekonomi di atas, maka orang-orang Arab telah dapat menguasai pelbagai jenis perniagaan. Oleh yang demikian, ia secara tidak langsung dapat menarik perhatian pelabur asing untuk berniaga dengan orang-orang Arab dan begitu juga sebaliknya yang barang-barang yang dihasilkan itu dibawa ke luar negara. Oleh yang demikian, hasil daripada kekerapan pergaulan di antara orang-orang Arab dengan bangsa-bangsa itu akan dapat mempengaruhi budaya dan bahasa di antara satu sama lain.

Faktor Politik

Manakala dalam hubungan politik pula, sejak zaman permulaan Islam lagi, orang-orang Arab amat mematuhi pemerintah atau ketua mereka. Mereka kebanyakannya berada di bawah pemerintahan dan kekuasaan bangsa-bangsa asing. Orang-orang Yaman sebagai contoh, pernah tunduk di bawah kekuasaan orang-orang Parsi dan begitu juga orang-orang Arab Bahrain dan orang Arab *al-Munazirah* di *Hirrah* pernah tunduk di bawah kekuasaan kerajaan Rom (Muhammad al-Khudariy 1998: 176).

Setelah tertubuhnya pemerintahan Umawiyah, tunggak pemerintahan mereka banyak berkisar dalam meluaskan pengaruh dan kekuasaannya ke dunia luar. Implikasi daripada

peluasan ini, banyak pengaruh dan kemajuan daripada bangsa asing telah diserapkan ke dalam pemerintahan Bani Umayyah.

Jika dilihat dari zaman permulaan Islam terutama pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, agama Islam telah dapat disebarkan ke beberapa negara asing. Sebagai contoh pada zaman Khalifah Abu Bakar, pengaruh politik Islam telah diluaskan sehingga berlaku peperangan dengan orang-orang Parsi yang diketuai oleh Khalid bin al-Walid (Muhammad al-Khudariy 1998: 176).

Setelah Khalifah Umar al-Khattab menerajui pemerintahan negara, beliau sekali lagi meneruskan usaha untuk memperkembangkan daulah Islamiyyah. Sekali lagi negara Parsi diserang oleh tentera Umar. Selain Parsi, beliau telah mengembangkan pengaruh Islam dengan membuka beberapa buah negeri baru di Jalaula', al-Jazirah, al-Ahwaz, Nahwan Asbahan, Azribaijan dan Khurasan. Kesemua negeri ini adalah di bawah pemerintahan kerajaan Parsi (Muhammad al-Khudariy 1998: 199).

Seterusnya, setelah pemerintahan Bani Umayyah mengambil alih tampuk pemerintahan Islam, khalifah-khalifah Umawiyah juga telah meneruskan usaha untuk memperkembangkan pengaruh dan agama Islam. Sebagai contoh, Khalifah Mu'awiyah telah mengembangkan sayap pemerintahan Islam dengan menguasai beberapa negeri di bawah jajahan Rom. Begitu juga pada zaman Hisyam, beliau telah cuba menguasai beberapa negeri di Iraq, Syam, Arminiyyah dan negeri di bawah kekuasaan Azarbijan (Muhammad al-Khudariy 1998: 382).

Setelah kejatuhan kerajaan Umawiyah, muncul pula kerajaan baru di bawah pemerintahan Bani Abbasiyyah. Di sini Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memindahkan ibu negeri Islam dari Damsiyq ke Baghdad. Ini kerana khalifah merasakan bahawa Damsiyq tidak lagi sesuai untuk dijadikan ibu negeri memandangkan banyak berlaku huru-hara dan peperangan antara kabilah-kabilah Arab. Selain dari itu, kota Baghdad pada masa itu amat berdekatan dengan Parsi.

Khalifah Abu Ja'far al-Mansur adalah khalifah yang kedua dalam salasilah pemerintahan Bani Abbasiyyah. Beliau telah memajukan kota Baghdad sehingga amat dikenali dan masyhur dengan unsur pembangunan dan kemajuan. Namun begitu, kemajuan yang dicapai ini adalah hasil daripada pengaruh dan bantuan dari orang-orang Parsi terhadap pentadbiran

orang-orang Arab. Boleh dikatakan bandar Baghdad telah diserapi dengan kemajuan dari Parsi sehingga istana raja juga berhampiran dengan istana orang-orang bangsawan Parsi. Bukan itu sahaja, malah perdana menteri dan penasihatnya juga dilantik daripada kalangan orang-orang Parsi.

Peperangan di Iskandariah dan pembukaannya di Timur telah memberi kesan dalam perkembangan bahasa Yunani dan kesusasteraannya. Bahkan peperangan ini juga menyebabkan berpindahnya ilmu-ilmu Parsi dan Kaldan ke negara Yunani dan Mesir (Jurjiy Zaidan t.thn: 141).

Faktor politik juga penting dalam kemasukan bahasa asing ke dalam bahasa Arab terutamanya pada zaman pemerintahan Abbasiyyah. Ini kerana kelahiran kerajaan Abbasiyyah telah membawa ciri-ciri dan perubahan yang baru dalam bidang politik. Suatu yang ketara ialah para sejarawan mendapati umat Islam telah melangkah masuk ke suatu era yang baru. Menurut mereka, kerajaan Bani Umayyah adalah berasaskan kepada pemerintahan Arab. Manakala Abbasiyyah pula berasaskan kepada kerajaan bukan Arab (Osman haji Khalid 1997: 25).

Apabila tertubuhnya kerajaan Abbasiyyah, mereka telah memperkenalkan jawatan wazir (menteri) untuk membantu khalifah dalam menyelesaikan permasalahan dan pemerintahan negara. Apa yang menjadi persoalan di sini ialah pelantikan wazir atau menteri adalah daripada kalangan orang-orang Parsi dan bukannya orang-orang Arab.

Sistem ini terus berkembang sepanjang zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyyah. Pada peringkat awal, Abu Salamah al-Khalal yang berketurunan Parsi turut dilantik menjadi menteri. Namun begitu pada peringkat ini, beliau tidak mempunyai kuasa yang penuh ke atas semua jabatan kerajaan.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mahdi pula, kuasa yang luas telah diserahkan kepada menteri sehingga meliputi semua jawatan dan juga dalam penyusunan jentera kerajaan. Malah menteri juga berkuasa dalam urusan ketenteraan. Seterusnya pada zaman pemerintahan Khalifah al-Rasyid, kedudukan menteri telah sampai ke satu tahap yang tinggi dan sekali gus mempunyai kuasa yang penuh dalam urusan kerajaan. Hal ini berlaku setelah pelantikan Yahya bin Marmak yang juga bukan berasal daripada orang-orang Arab.

Seterusnya pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun, beliau telah memberikan kuasa penuh kepada menterinya al-Fadl bin Sahl dalam mentadbirkan urusan politik. Beliau juga berkuasa penuh dalam urusan pentadbiran dan tugas sebagai pemimpin peperangan (Osman Haji Khalid 1997: 27).

Hasil daripada pengaruh Parsi yang diserapkan ke dalam kerajaan Abbasiyyah ini telah menyebabkan percampuran bahasa dan budaya di antara orang-orang Arab dengan orang-orang asing terutamanya Parsi dan Turki.


Faktor Sosial-Budaya

Faktor sosial dan budaya juga memainkan peranan yang penting dalam kemasukan

peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Secara asasnya bangsa yang bertamadun tinggi dan berpengetahuan besar akan dapat mempengaruhi bangsa yang mundur dan tidak maju.

Penulis juga mendapati bahawa faktor sosial dan budaya ini wujud dalam kalangan orang-orang Arab melalui percampuran budaya. Ianya memainkan peranan yang besar dalam kemasukan kata asing ke dalam bahasa Arab. Ini berlaku setelah orang-orang Arab bergaul dengan orang-orang asing, banyak perkembangan dan pertemuan baru telah ditemui dan akhirnya dibawa masuk ke dalam budaya dan bahasa Arab. Kesemua pertemuan baru ini tidak terdapat dalam bahasa Arab sama

JADUAL 5
Perkembangan bahasa Aramiyyah



ada dalam bidang ekonomi, perindustrian, pertanian, perniagaan, sains, falsafah, kesusasteraan, politik, keagamaan dan pelbagai bidang kehidupan yang lain ('Ali Abd al-Wahid Wafiy t.thn: 200).

Sejak dari dahulu lagi, orang-orang Arab sering bergaul dengan bangsa-bangsa asing terutamanya bangsa Rom dan Parsi. Semenjak zaman Jahiliyyah lagi, orang-orang Arab telah mengadakan hubungan perdagangan dan perniagaan dengan orang-orang Parsi dan bangsa-bangsa yang lain. Orang-orang Quraisy memang terkenal dengan kepintaran mereka dalam aktiviti ekonomi dan perdagangan.

Selain dari itu, orang-orang Arab juga telah menjalinkan hubungan dengan orang-orang Aramiyyah di utara implikasi daripada perniagaan, penghijrahan dan pengembaraan serta pergaulan kabilah-kabilah Arab sewaktu berdagang. Ini kerana orang-orang Aramiyyah yang menetap di negara Hijaz dan sempadannya hidup berjiran dengan orang-orang Arab. Hasil daripada kejiranan ini, terjadilah perpindahan bahasa dengan banyak kosa kata daripada bahasa Aramiyyah dipinjamkan ke dalam bahasa Arab khususnya kosa kata yang berkaitan dengan kemodenan. Antara sebab kemasukan pengaruh Aramiyyah ke dalam kehidupan orang-orang Arab adalah kerana bangsa Arab pada zaman sebelum Islam kebanyakannya menjalankan kehidupan secara "badwi" dan sering berpindah randah untuk mencari satu kehidupan yang sempurna dan selesa. Sedangkan bangsa Aramiyyah hidup dalam keadaan yang maju dan bertamadun. Oleh yang demikian, kehidupan moden masyarakat Aramiyyah ini telah dapat mempengaruhi kehidupan orang-orang Arab ('Ali Abd al-Wahid Wafiy t.thn: 200).

Pergaulan orang-orang Arab tidak hanya terbatas dengan orang-orang Aramiyyah, bahkan mereka juga banyak bergaul dengan orang-orang Yaman di sebelah selatan kepulauan Arab. Peluang bergaul dengan bangsa Yaman ini menghasilkan satu hubungan yang erat di antara orang-orang Arab dengan bangsa Yaman terutamanya dalam menjalinkan hubungan kebudayaan, ekonomi dan keagamaan. Bukan itu sahaja, bahkan orang-orang Yaman sendiri banyak berhijrah ke kepulauan Arab terutamanya daripada kabilah Mu'ayyin, Khaza'ah, al-'Aus dan Khazraj ('Ali Abd al-Wahid Wafiy t.thn: 200).

Selain itu, orang-orang Arab sebelum zaman kelahiran Islam juga telah menjalinkan

hubungan mereka dengan orang-orang Habsyi terutamanya dari keturunan Arab Yaman sejak beberapa kurun yang lalu. Hubungan yang dijalinkan di antara Arab dan Habasyi ini adalah melalui politik, kebudayaan dan ekonomi. Pada mulanya hasil daripada pergaulan ini, mereka dapat bertukar-tukar pendapat dan kebudayaan sehingga akhirnya merebak ke dalam kemasukan kosa kata Habsyi ke dalam bahasa Arab.

Setelah pembukaan Islam, pergaulan orang-orang Arab dengan bangsa-bangsa asing lebih kerap dilakukan. Ini kerana selama ini, orang-orang Islam tidak banyak menyebarkan agama Islam ke dunia luar melainkan ke beberapa kawasan dan negara yang berdekatan sahaja. Namun setelah pembukaan Islam, banyak kemajuan dan kemodenan dari negara-negara asing dibawa masuk ke negara Arab. Selain itu, banyak kosa kata yang berkaitan dengan pelbagai bidang telah diserapkan bukan sahaja dalam bahasa Arab baku, bahkan juga diserapkan ke dalam bahasa Arab Pasar (*al-'Aamiyyah*)

Kekerapan berdagang dan bergaul dengan bangsa-bangsa asing sewaktu berniaga ini telah membawa kepada faktor percampuran budaya dan telah menyebabkan pengaruh asing dapat diserapkan ke dalam bahasa Arab, begitu juga sebaliknya bahasa Arab pula telah diserapkan ke dalam bahasa-bahasa asing.

Jika ditinjau pada zaman Umawiyah, khalifah-khalifah zaman ini lebih cenderung kepada orang-orang Arab berbanding bangsa-bangsa asing terutamanya bangsa Parsi dan Turki. Mereka lebih mementingkan orang-orang Arab berbanding orang yang bukan Arab (*'ajam*) khususnya dari aspek pemilihan ketuaan dan pemerintahan. Kebanyakan bangsa asing yang bukan Arab sering mendapat cengkaman kezaliman pemerintah di masa itu.

Hasil daripada kejadian sebegini, bangsa-bangsa asing terutamanya Parsi dan Turki bernekad untuk membantu sesiapa sahaja bagi menundukkan kerajaan Umawiyah. Pada akhirnya, kerajaan Umawiyah berjaya ditundukkan oleh Bani Abbasiyyah hasil daripada pertolongan dan bantuan orang-orang Parsi. Oleh yang demikian, orang-orang Abbasiyyah merasa terhutang budi dengan orang-orang Parsi dan banyak jawatan dalam negeri telah diserahkan kepada orang-orang Parsi yang akhirnya menyebabkan banyak pengaruh Parsi diserap dalam budaya dan bahasa orang-orang Arab.

Khalifah-khalifah Abbasiyyah lebih mementingkan bangsa-bangsa asing berbanding orang-orang Arab. Pada zaman ini, tampuk pemerintahan kerajaan telah berkembang dari Maghrib hingga ke India dan negeri Ma Wara' al-Nahr. Sebagaimana yang telah diketahui, bahawa pada zaman ini telah banyak berlaku pergaulan dan percampuran kaum dan budaya berlaku di antara bangsa Arab dengan bangsa asing yang bukan Arab ('*ajam*). Pergaulan dan percampuran ini berlaku hasil dari perkahwinan campur, tinggal berdekatan dan juga bekerja dalam satu kawasan dan tempat yang sama di antara orang-orang Arab dan bukan Arab.

Kehidupan masyarakat Arab pada zaman pemerintahan khalifah Abbasiyyah ini sangat terkenal dengan perniagaan hamba abdi. Mereka akan memperdagangkan hamba-hamba yang rata-rata terbahagi kepada 2 bangsa, iaitu yang berkulit gelap didatangkan dari negara Sudan manakala yang berkulit cerah didatangkan dari Turki dan Saqalabah. Hasil pergaulan dan percampuran yang berpanjangan dengan hamba-hamba daripada bangsa-bangsa asing ini akhirnya akan dapat mempengaruhi bahasa yang digunakan oleh orang-orang Arab.

Sebagaimana yang telah diketahui, bahawa orang-orang Arab di bawah pemerintahan kerajaan Othmaniah banyak mengikut telunjuk dan nasihat yang dibawa oleh orang-orang Parsi. Ini kerana orang-orang Parsi lebih dahulu maju berbanding dengan bangsa Arab. Oleh yang demikian, satu bangsa yang mundur pasti akan mengikut bangsa yang bertamadun tinggi, yang

akhirnya pengaruh Parsi akan diserapkan dalam kalangan masyarakat Arab. ('Ali Abd al-Wahid Wafiy t.thn: 200).

Manakala bahasa Turki, Kurdi, Qibti, Barbari dan Qutiyah kebanyakannya diserapkan ke dalam bahasa Arab setelah zaman al-ihitijaj (akan dijelaskan pada keterangan yang akan datang). Manakala kesan bahasa asing ke dalam bahasa Arab pasar (*al-'amiyyah*) pula digunakan dengan meluasnya di Iraq, Syam, Mesir, Sudan dan Maghrib ('Ali Abd al-Wahid Wafiy t.thn: 200).

Sebagai contoh, kebanyakan perkataan dari bahasa Turki yang diserapkan ke dalam bahasa Arab berkaitan dengan objek yang dilihat, peralatan dan keperluan asas harian seperti pakaian, makanan, tumbuhan, haiwan dan peralatan pejabat, muzik dan sebagainya (Majd Muhammad al-Bakir al-Baraziy 1989: 164).

Faktor Kemodenan dan Intelektual

Pemerintahan yang diterajui dan dipimpin oleh khalifah-khalifah Abbasiyyah adalah sangat cemerlang. Kebanyakan bandar dimajukan dan kampung pula diterokai agar diberikan kemajuan dan kemodenan yang secukupnya. Namun begitu, sebenarnya di sebalik kemajuan yang dicapai, orang-orang Arab pada zaman itu sebenarnya dibelenggu oleh beberapa unsur asing yang menjadi tulang belakang dalam mencapai kemajuan dan kemodenan yang secukupnya. Hasil daripada itu, bahasa Arab yang selama ini diiktiraf sebagai bahasa yang tulen dan unggul serta dibayangi oleh al-Quran dan hadis telah menjadi bahasa yang bercampur

JADUAL 6
Contoh bahasa Turki yang dipinjam ke dalam bahasa Arab

Ξ ξ	ξī	Xi	[ks]	[ks]	x	x, ks
Ο ο	ὀμικρόν	Omicron	[o]	[o]	o	o
Π π	πί	Pi	[p]	[p]	p	p
Ρ ρ	ῥῶ	Rho	[r], [rɔ]	[r]	R (ῥ: rh)	r
Σ σ ς (final)	σῖγμα	Sigma	[s]	[s]	s	s
Τ τ	ταῦ	Tau	[t]	[t]	t	t
Υ υ	ὕψιλόν	Upsilon	[u] [u :], later [y] [y :]	[i]	u, y (between consonants)	y, v, f
Φ φ	φί	Phi	[p ^h]	[f]	ph	f
Χ χ	χί	Chi	[k ^h]	[ç]	ch	ch, kh
Ψ ψ	ψί	Psi	[ps]	[ps]	ps	ps
Ω ω	ὦμέγα	Omega	[ɔ :]	[o]	o, õ	o

aduk dengan unsur-unsur asing yang akhirnya merosakkan keaslian dan keunggulan bahasa Arab.

Di antara kesan-kesan unsur asing yang menjadi tulang belakang kemajuan kerajaan Abbasiyah ialah kemajuan dan kemodenan yang dibawa oleh orang-orang Parsi dan Yunani. Ini kerana terdapat beberapa orang tokoh-tokoh ilmunan yang terkemuka dari Parsi yang telah menyebarkan ideologi mereka kepada orang-orang Arab. Kebanyakan khalifah dan pemerintah Abbasiyah bersedia menerima sastera, perumpamaan, hikayat dan sejarah yang dibawa oleh para ilmunan Parsi ke dalam bahasa Arab sehingga para sasterawan Arab yang selama ini terkenal dengan keaslian bahasanya juga turut dipengaruhi oleh bahasa asing ini.

Suatu perubahan yang dapat dilihat pada zaman Abbasiyyah ini ialah perkembangan ilmu pengetahuan yang amat pesat sehingga mencapai ke satu tahap yang tidak dapat ditandingi oleh zaman-zaman sebelumnya. Walaupun pertumbuhan dan perkembangan ilmu pada zaman permulaan Islam dan berkembang secara teratur semasa di zaman Umayyah, tetapi puncak kegemilangan intelektual adalah berlaku di zaman Abbasiyyah. Jika dilihat dari pengetahuan yang diserapkan pada zaman itu ia meliputi keilmuan Islam seperti tafsir, hadis, nahu Arab dan sebagainya. Selain dari itu, kegemilangan ilmu di zaman itu juga adalah dari ilmu keduniaan, iaitu sains, falsafah, Astronomi, perubatan, matematik dan sebagainya. Justeru itu, ilmu keduniaan ini sebenarnya adalah implikasi dari kemasukan pengaruh asing ke dalam bahasa Arab (Osman Haji Khalid 1997: 28).

Zaman Abbasiyyah yang memiliki kegemilangan ilmu-ilmu Islam dan keduniaan itu adalah berpunca daripada pertembungan peradaban dan tamadun yang diwarisi oleh orang-orang Islam dengan bangsa-bangsa asing yang lain yang kebetulannya mempunyai tamadun yang lebih silam dan lebih maju daripada peradaban Arab. Pertembungan ini menyebabkan berlakunya unsur pengaruh mempengaruhi dan ini sebenarnya mewujudkan tamadun baru yang lebih gemilang dan lebih unggul (Osman Haji Khalid 1997: 30).

Selain itu, pada zaman Abbasiyyah ini telah muncul pelbagai pusat tamadun dan ilmu pengetahuan bukan sahaja di dunia Arab bahkan juga di Iraq, Syam, Hijaz, Mesir, Utara Afrika

dan Andalus. Pusat-pusat pengetahuan ini masing-masing berlumba-lumba dan bersaing hebat untuk menjadi pusat tamadun dan ilmu pengetahuan yang masyhur agar ia menjadi tumpuan para akademik, sarjanawan dan para ulama (Osman Haji Khalid 1997: 30).

Selain dari itu, pengaruh Parsi dalam bahasa Arab bukan sahaja meliputi perbendaharaan kata sahaja bahkan beberapa gaya bahasa Parsi turut mempengaruhi gaya bahasa Arab.

Faktor Pemilikan Hamba

Pada zaman pemerintahan khalifah-khalifah Abbasiyyah, pemilikan hamba terutamanya wanita-wanita muda telah berleluasa di istana-istana khalifah, pemimpin-pemimpin negara dan orang-orang berada. Mereka sanggup mengeluarkan modal dan belanja yang besar untuk memiliki seramai mungkin hamba-hamba yang boleh dibelinya dari pasar-pasar perniagaan.

Hasil daripada pemilikan hamba-hamba ini sebenarnya mendorong kepada kemasukan pengaruh asing ke dalam budaya dan bahasa Arab. Ini kerana pembelian hamba-hamba ini bukan sahaja dari mereka yang berketurunan Arab, malah terdapat juga hamba-hamba yang bukan berasal daripada keturunan Arab seperti Parsi, Rom, Turki dan sebagainya. Orang-orang Arab sering memuji dan mendewa-dewakan kecantikan dan kelembutan hamba-hamba yang bukan Arab. Hasil dari itu, sedikit sebanyak pemilikan hamba-hamba ini telah mendatangkan kesan dan pengaruh terhadap bahasa Arab sama ada dari segi budaya mahupun bahasa.

Di antara pusat penjualan hamba yang terbesar ialah di negara Samarqan. Di sinilah, penjualan hamba-hamba dilakukan secara besar-besaran bahkan penjualan hamba ini mendatangkan keuntungan yang lumayan dan pendapatan yang tinggi kepada penjualnya (Uthman Mawafiy 1973: 34).

Orang-orang Arab amat mengenali sifat khusus hamba-hamba yang akan dimilikinya. Hamba-hamba yang berasal dari Sindiyyah mempunyai rambut yang panjang manakala, hamba-hamba yang berasal dari bandar dikatakan mempunyai perwatakan yang manja, ceria dan humor.

Manakala mereka yang berketurunan Mekah pula bertubuh lembut dan memiliki pandangan mata yang tajam dan renungan yang menggoda. Mereka yang berketurunan Barbar pula

mempunyai raut wajah yang cantik dan menarik. Hamba-hamba dari negara Sudan pula dikatakan pandai menari, bermain gendang dan memukul rebana. Manakala hamba-hamba perempuan dari negara Turki pula sangat terkenal dengan kulit mereka yang gebu dan cerah (Uthman Mawafiy 1973: 35).

Penjualan hamba-hamba ini juga memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi kemasukan kata asing ke dalam bahasa Arab. Mereka juga telah membawa masuk bahasa, adat dan budaya asing yang telah lama dimilikinya ke dalam kehidupan, budaya dan bahasa Arab.

PENUTUP

Dari perbincangan yang diperbincangkan di atas, penulis telah membuat kesimpulan bahawa terdapat banyak faktor yang menyebabkan kemasukan bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab sama ada yang dibahaskan atau yang tidak dibahaskan. Namun begitu, enam faktor yang telah dibincangkan oleh penulis itu merupakan antara yang utama yang telah menyebabkan kemasukan bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Malah, penulis percaya terjemahan adalah di antara faktor utama kemasukan bahasa asing ke dalam bahasa Arab.

RUJUKAN

- AHMAD MUHAMMAD QADDUR. 1993. *Madkhal 'Ila Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- ALI ABD. AL-WAHID WAFIY. T.thn. *Fiqh al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Nahdah.
- AL-BARAZIY, MAJD MUHAMMAD AL-BAKIR. 1989. *Musykilat al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asarah*. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- ATABIK ALI dan AHMAD ZUHDI MUHDOR. 1996. *Kamus Komtemporer Arab-Indonesia*: Yayasan Ali Maksud Pondok Pesentren Krapyak.
- BERNARD COMRIE (ed). 1999. *Ensaiiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- IBN. KHILKAN, ABU AL-'ABBAS SYAMSUDDIN AHMAD B. MUHAMMAD B. ABU BAKR. 1997. *Wafiyat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- IBN AL-SAYYIDAH 'ALI B. ISMA'IL. 1973. *Al-Mukhassas*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- IBRAHIM ANIS. 1965. *Fi al-Lahjat al-'Arabiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.
- IBRAHIM MUSTAFA et al. 1960. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- IMIL BADI' YA'QUB. 1986. *Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah Wa Khasa'isuha*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- _____. 1988. *Mausu'ah al-Huruf Fi al-Lughah al-'Arabiah*. Beirut: Dar al-Jil.
- JAWALIQIY, ABU MANSUR. 1990. *Al-Mu'arrab Min al-Kalam al-A'jamiy Ala Huruf al-Mu'jam*. Beirut: Dar al-Qalam.
- JAWHARIY, ISMA'IL B. HUMMAD. 1984. *Al-Sihah Taj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- JUBRAN MAS'UD. 1986. *Al-Ra'id*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin
- JURJI ZAIDAN. T.thn. *Tarikh al-Tamaddun al-Islamiy*. Kaherah: Dar al-Hilal.
- MUHAMMAD AL-'ADNANI. 1989. *Mu'jam al-Akhta' al-Sya'iah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- MUHAMMAD AL-KHUDARIY. 1998. *Al-Dawlah al-Umawiyyah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- OSMAN HAJI KHALID. 1997. *Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiyyah, Andalus dan Zaman Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- SUBHIY AL-SALEH. 1989. *Dirasat Fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- SYAHABUDDIN AL-KHAFAJIY. 1998. *Syifa' al-Ghalil Fi al-Lughah al-'Arabiyyah Min al-Dakhil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- SYAWQIY DAIF. 1989. *Al-'Asr al-Jahiliy*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- TAWFIQ MUHAMMAD SYAHIN. 1980. *'Ilm al-Lughah al-'Aam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- 'UTHMAN MAWAFI. 1973. *Al-Tayyarat al-Ajnabiyyah fi Syi'r al-'Arabiyy*. Amman: Muassasah al-Thaqafah al-Jami'iyyah.

(Received: 8 February 2006)